R GB Ø6-Ø8 ØØ166 BA912
Bah
Mahathir - Peladang

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan kali ke-17, di Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam, di Shah Alam pada 20 Ogos ini.

Pada psrayaan itu, Perdana Menteri juga akan menyampaikan hadiah kepada pemenang pelbagai pertandingan yang diadakan sempena perayaan itu, kata Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Tan Sri Haji Mustafa Abdul Jabar, hari ini.

Beliau memberitahu pemberita semasa mengumumkan pemenang pertandingan itu di sini bahawa 4ØØ peladang, penternak dan nelayan dijangka menghadiri perayaan itu.

Mengenai LPP, beliau berkata, kerajaan memperuntukkan sebanyak $1Ø1 juta untuk pembangunan lembaga itu di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6) untuk melaksanakan pelbagai projek pertanian, perikanan dan penternakan.

Sebanyak $20 juta akan dibelanjakan tahun ini, tambah beliau.

Beliau juga berkata, LPP sedang berusaha menggalakkan penubuhan lebih banyak kedai peladang di seluruh negara bagi meningkatkan lagi aktiviti perniagaan golongan petani. -- Lagi.

♥Ø6/Ø8/17-54MST

CNS4167
R GE Ø6-Ø8 ØØ146 BA913
Rah
Mahathir - Peladang 2 Kuala Lumpur

Setakat ini, LPP mempunyai 31 buah kedai seumpama itu di seluruh negara, termasuk 14 buah di Selangor.

LPP juga bercadang membuka lebih banyak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara, sejajar dengan wawasan LPP untuk melahirkan golongan peladang yang bersikap positif, berpandangan jauh dan mahir dalam bidang pengurusan, katanya.

+Kini terdapat 39 buah PPK di seluruh negara dan LPP berharap dapat mencapai matlamat 1ØØ buah PPK yang berdikari menjelang akhir RM6,+ katanya.

Mengenai pertandingan itu, Tan Sri Mustafa Jabar, yang juga Pengerusi Jemaah Pengadil pertandingan tersebut berkata, Haji Awang Taha, 5Ø, dari Terengganu diisytiharkan sebagai Peladang Jaya Lelaki Kebangsaan tahun ini manakala Peladang Jaya Wanita ialah Hajah Siti Rona Kechil, 59, dari Negeri Sembilan.

Mereka masing-masing akan menerima hadiah wang sebanyak $3,000, sijil dan cenderamata. -- Lagi.

♥Ø6/Ø8/17-55MST

CNS4168
R GB 06-08 00104 BA914
Bah
Mahathir - Peladang 3 Kuala Lumpur

Pemenang kategori Nelayan Jaya Kebangsaan pula ialah Encik Hussain Majid, dari Kedah, sementara Penternak Jaya Kebangsaan ialah Encik Gulam Rasul Datuk Ab. Rahim dari Kelantan. Mereka masing-masing akan menerima $3,000, sijil dan cenderamata.

Bagi kategori Peladang Muda Jaya Lelaki kebangsaan, pemenangnya ialah Encik Mahzal A. Majid dari Johor dan Peladang Muda Jaya Wanita Che Nezee Sali dari Terengganu.

Persatuan Nelayan Kawasan Endau pula diumumkan sebagai johan pertandingan Persatuan Nelayan Kawasan Jaya manakala johan pertandingan Pertubuhan Peladang Kawasan Jaya ialah Pertubuhan Peladang Kawasan Sabak Bernam. -- Bernama. /KM./SZ.